

Penyenaraian anak syarikat Petronas

NEW YORK 27 Sept. - Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan untuk penyenaraian satu daripada anak syarikat Petronas untuk menjadikan pasaran saham Malaysia lebih menarik.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, Petronas Carigali ialah satu daripada calonnya, dan menurutnya juga terdapat kemungkinan lain.

"Pada ketika ini kami berpendapat menjual saham Petronas tidak akan membawa kebaikan kepada kerajaan kerana kerajaan perlukan Petronas untuk membantu kerajaan," katanya sambil menambah perkara itu mungkin dipertimbangkan kemudian.

"Tetapi apa yang kami telah persetujui adalah untuk melihat kepada anak-anak syarikat. Kami mungkin jual saham anak syarikat kerana ia tidak akan

menjejaskan Petronas dengan banyak. Satu daripadanya ialah Carigali tetapi terdapat juga beberapa yang lain," katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian dalam sesi dialog dengan pengurus dana di ibu pejabat JP Morgan di sini hari ini.

Perdana Menteri berada di sini untuk menghadiri Sesi Ke-74 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Ketika ditanya sama ada Khazanah Nasional Berhad akan terus digalakkan untuk menjual sahamnya dalam syarikat berkaitan kerajaan, beliau berkata: "Terdapat kawalan ke atas industri tertentu tetapi soal pembabitan kerajaan dalam perniagaan, kami sentiasa percaya bahawa kerajaan tidak patut terbabit dalam perniagaan. Kami tidak bagus dalam perkara itu."

Mengenai pelaburan pula, Dr. Mahathir menjelaskan pendirian mesra perniagaan Malaysia ketika beliau menggamit pelabur Amerika untuk datang melabur ke negara itu pada Khamis.

"Secara amnya, Malaysia masih Malaysia yang sama seperti mana pada satu masa dahulu yang amat mesra dengan golongan perniagaan, negara yang menggalakkan pelaburan langsung asing dan berkembang pada asas pelaburan seumpama itu," katanya.

Sementara itu Perdana Menteri berkata, Malaysia mengamalkan komitmen terhadap pemuliharaan secara serius dan bangga menjadi penandatanganan kepada senarai penuh perjanjian global mengenai pemuliharaan, hidupan liar, perhutanan dan alam sekitar. - BERNAMA